



15 OCT, 2024

151 kontena seludup e-waste dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

151 kontena seludup e-waste dirampas

Kontena berisi pelbagai jenis sisa logam bernilai lebih RM18 juta

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF
 PELABUHAN KLANG

Penyeludupan e-waste menerusi penghantaran kargo terbongkar dalam rampasan 151 buah kontena mengandungi pelbagai jenis sisa tembaga, aluminium dan logam bernilai lebih RM18 juta di Pelabuhan Barat di sini sejak September lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, kesemua kontena berkenaan dikesan menerusi pemeriksaan dijalankan Bahagian Penguatkuasaan, JKDM Zon Tengah, Unit II (Selangor).

Menurut beliau, operasi pertama melibatkan pemeriksaan terhadap 44 buah kontena menemukan 1,098,187.00 kilogram (1,098.19 tan) besi sekerap yang dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Siasatan awal mendapati kontena mengandungi besi sekerap itu tiba di Pelabuhan Klang pada 13 Ogos lalu dari sebuah negara benua Amerika.

"Kesemua besi sekerap berkenaan dianggarkan bernilai RM13.2 juta dan pengimportannya tertakluk kepada permit import yang dikeluarkan oleh SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Per-



Pelbagai jenis sisa logam dalam salah sebuah dari 151 kontena yang dirampas di Pelabuhan Barat, Klang.



industrian Malaysia)," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Kastam Selangor, Pulau Indah di sini pada Isnin.

Beliau memberitahu, siasatan mendapati pengimport terbabit telah membuat pengiklanan yang tidak benar di dalam dokumen-dokumen yang disertakan.

"Besi sekerap berkenaan didapati diikrarkan sebagai Aluminium Alloy, Aluminium Flakes, dan Copper Flakes untuk mengelak keperluan permit import bagi tujuan pengimportannya," jelas beliau.

Anis Rizana berkata, kejayaan operasi berkenaan merupakan hasil kolaborasi antara Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah, Unit II (Selangor) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan



ANIS RIZANA

Industri (MITI).

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 107 buah kontena mengandungi 2,118,906.10 kilogram (2,118.91 tan) e-waste bernilai RM5.59 juta berjaya dirampas menerusi operasi bermula 17 Ogos sehingga 4 Oktober lalu.

Ujar beliau, pemeriksaan ke atas kontena yang dijalankan oleh JKDM Zon Tengah, Unit II (Selangor) menggunakan mesin pengimbas dan dilaksanakan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Kontena berkenaan didapati mengandungi sisa e-waste dipercayai tidak mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

"Kesemua e-waste berkenaan dianggarkan bernilai RM5.59 juta dan pengimportannya tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar," katanya.



15 OCT, 2024

151 kontena seludup e-waste dirampas

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

Kontena berisi pelbagai jenis sisa logam bernilai lebih RM18 juta

Penyeludupan e-waste menerusi penghantaran kargo terbongkar dalam rampasan 151 buah kontena mengandungi pelbagai jenis sisa tembaga, aluminium dan logam bernilai lebih RM18 juta di Pelabuhan Barat di sini sejak September lalu. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, kesemua kontena berkenaan dikesan menerusi pemeriksaan dijalankan Bahagian Penguatkuasaan, JKDM Zon Tengah, Unit II (Selangor).